

BAB: DUA

BAB: II

PENGENALAN TERHADAP TUAN GURU

SYEIKH AHMAD AL-FATANI

2.1 PENGENALAN

Sebelum meneruskan perbincangan lebih lanjut berhubung dengan pemikiran tentang kepimpinan menurut perspektif Islam oleh Syeikh Ahmad al-Fatani, penulis membincangkan secara ringkas tentang biografi tokoh ini, kerana mengenali terhadap keperibadian dan latarbelakang kehidupannya, boleh membantu dalam memahami secara lebih mendalam terhadap pemikiran beliau yang berhubung dengan persoalan kepimpinan.

Dalam bab ini, penulis akan membincangkan tentang latar belakang peribadi Syeikh Ahmad, kelahiran, pendidikan, guru-guru dan murid-muridnya, tokoh-tokoh ulama sezamannya, kewafatan dan keturunannya. Di samping itu, diperkenalkan juga secara ringkas tentang Kerajaan Melayu Patani sebagai negeri dan tempat tumpah darah tokoh yang diteliti ini.

2.2 SEJARAH RINGKAS KESULTANAN MELAYU PATANI

Perkataan *al-Faṭānī* yang disandarkan kepada nama tokoh ini, merupakan nama bagi negerinya iaitu Patani. Patani yang dimaksudkan di sini, bukan bererti nama sebuah wilayah rasmi negara Thai yang berada di selatan itu, yang telah dibahagikan kepada lima wilayah, iaitu Patani, Yala, Narathiwat, Setol dan Songkla.

Sebaliknya Patani yang dikehendaki di sini adalah merupakan nama sebuah negeri yang meliputi kelima-lima wilayah tersebut. Ianya bersempadan dengan Laut China Selatan di sebelah utara dan timurnya. Thai di sebelah baratnya dan Malaysia di sebahagian selatannya. Ia terletak di antara garis lintang yang ke 6° dan 7° ke utara, dan garis bujurnya ke 101° dan 102° ke timur. Luasnya 2,102 kilometer persegi.⁹⁹

Patani pernah menjadi sebuah kerajaan Melayu Islam yang kuat dan lengkap dengan pelabuhan yang besar pada abad keenam belas.¹⁰⁰ Dari segi sejarah, kerajaan Melayu Patani pada asalnya, adalah kerajaan Melayu Langkasuka, nama Langkasuka kemudiannya berubah menjadi Patani pada abad yang kelima belas¹⁰¹

⁹⁹ A. Bangnara (1977), *Patani dahulu dan Sekarang*, A. Patani dan A. Yala, (Terj.). Patani: Penal Penyelidikan al-Fatani, h. 1.

¹⁰⁰ Muhammad Yusoff Hashim (1992), *Pensejarahan Melayu: Kajian tentang tradisi sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 275.

¹⁰¹ Mohd Yusuf Hassan (1991), *Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 7.

2.2.1 Sejarah awal kerajaan Patani

Sejarah awal kesultanan Melayu Patani masih lagi tidak jelas dan diselimuti kekaburan. Dalam catatan sejarah tidak dapat dipastikan tarikh sebenar bilakah kerajaan Melayu Patani didirikan. Bagaimanapun, Nik Anuar Nik Mahmud berpendapat bahawa ahli sejarah Eropah percaya bahawa negeri langkasuka yang terletak di pantai timur Semenanjung tanah Melayu antara Senggora (Songkhla) dan Kelantan itu adalah lokasi asal negeri Patani. Adalah dipercayai bahawa ibu negerinya pada masa itu terletak di sekitar daerah Yarang.¹⁰²

Timbul persoalan, bagaimana Langkasuka bertukar menjadi Patani juga masih lagi belum dapat dipastikan oleh ahli sejarah, kerana tidak menemui catatan sejarah yang jelas mengenainya. Mengikut Hikayat Patani, kerajaan Melayu Patani berasal dari kerajaan Melayu yang berpusat di kota Mahligai yang diperintah oleh Phya Tu Kerub Mahajana.¹⁰³

Oleh kerana kedudukan kota Mahligai itu, terlalu jauh dengan pelabuhan dan sukar untuk didatangi oleh para pendagang, telah menyebabkan Phya Tu Andara yang dikenali dengan nama Phya Tu Nakpa (anak bagi Phya Tu Kerub Mahajana) memindahkan pusat kerajaannya kepada sebuah perkampungan yang telah diduduki oleh seorang nelayan yang bernama Encik Tani, yang kemudiannya diberi nama

¹⁰² Nik Anuar Nik Mahmud (1999), *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 15.

¹⁰³ Siti Hawa Haji Salleh (1992), *Hikayat Patani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1-3.

tempat baru ini sebagai Patani.¹⁰⁴ Ahli sejarah tempatan, berkeyakinan bahawa kota Patani itu berpusat di kampung Grisik, dalam wilayah Pattani sekarang ini.¹⁰⁵

Kerajaan Melayu Patani diperintah oleh dua dinasti utama, iaitu dinasti Sri Wangsa dan dinasti Kelantan. Kedudukan negeri Patani yang amat strategik dari segi geografi, telah menyebabkan kota ini menjadi tumpuan para pedagang asing, sama ada dari Barat atau dari Timur. Dalam masa yang singkat saja Patani telah muncul sebagai sebuah kerajaan yang penting, maju dari segi ekonomi serta stabil dari segi politik dan pemerintahan.¹⁰⁶

Pada zaman pemerintahan raja-raja perempuan (1584–1624M), kerajaan Patani berada dalam kemuncak kemajuan dan kemakmuran.¹⁰⁷ Patani ketika itu telah muncul sebagai pusat perniagaan yang terpenting di rantau ini dan menjadi pusat pertumbuhan kebudayaan Melayu yang unggul di semenanjung.¹⁰⁸

2.2.2 Kedatangan Islam ke Patani

Patani dianggap salah satu pusat perkembangan Islam di Asia Tenggara. Di percayai hubungan pertama Patani dengan Islam adalah berlaku hasil daripada hubungan perdagangan dengan orang-orang Arab,¹⁰⁹ India dan China.¹¹⁰ Tarikh sebenar kemasukan Islam di Patani tidak dapat dipastikan oleh ahli sejarah.

¹⁰⁴ *Ibid.*

¹⁰⁵ Nik Anuar Nik Mahmu (1999), *op.cit.*, h. 15.

¹⁰⁶ Mohd Zamberi A. Malek (1994), *Patani Dalam Tamaddun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2.

¹⁰⁷ A. Teeuw dan D.K. Wyatt (1970), *The Story of Patani*. The Hague: Martinus Nijhoff, h. 13.

¹⁰⁸ Muhammad Yusoff Hashim (1992), *Persejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 275.

¹⁰⁹ Piriya (1980), *Silapa Taksin Kon Phuttasawat Ti 19*. Bangkok: Krom Silapakorn, h. 17.

Menurut andaian Mohd Zamberi A. Malek, Islam mungkin telah bertapak di Patani semenjak abad kesepuluh atau kesebelas lagi.¹¹¹ Namun Islam hanya tersebar di kalangan rakyat umum sahaja. Setelah tiga abad Islam tersebar di kawasan tersebut, golongan istana Patani mulai menganut agama Islam. Kerajaan Melayu Patani dipercayai telah mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi negaranya pada tahun (1457 M).¹¹²

A. Teeuw dan D.K. Wyatt berpendapat, ada seorang pelawat portugis yang bernama D'Eredia telah menulis dalam tahun (1613M) bahawa Islam telah bertapak di Patani lebih awal daripada Melaka.¹¹³ Menurut catatan Mahmud Shakir, bahawa Islam telah tiba di Patani dalam pertengahan abad keenam hijrah atau abad kedua belas Masihi.¹¹⁴

Di percayai pengasas kerajaan Patani ialah Pya Tu Nakpa yang telah datang dari kota Mahligai. Apabila Phya Tu Nakpa memeluk agama Islam melalui seorang ulama dari Pasai iaitu Syeikh Said, maka namanya ditukar sebagai Sultan Ismail Shah Zilullah Fi al-Alam dan anak-anaknya juga ditukar kepada nama Islam iaitu Sultan Muzaffar, Siti Aishah dan Sultan Mansur. Dengan Islamnya raja, maka para menteri, hulu balang dan rakyat turut memeluk agama Islam. Sementara negerinya pula dipanggil dengan nama Patani Darussalam.¹¹⁵

¹¹⁰ Abdullah Lomen (1990), "Islam Khau Patani Yangrai", dalam *Al-Jihad*. Bangkok: Samnakngan Al-Jihad, Bil. 208-9, h. 48.

¹¹¹ Mohd Zamberi A. Malek (1994), *op.cit.*, h. 30.

¹¹² Ibrahim Shukri (t.t.), *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Kelantan: Majlis Agama Islam, h. 34.

¹¹³ A. Teeuw dan D.K. Wyatt (1970), *op.cit.*, h. 4.

¹¹⁴ Mahmud Shakir (1980), *Mawatin al-Syu'ub al-Islamiyyah fi Asia v Patani. Jeddah: Maktabah al-Islami*, h. 31.

¹¹⁵ A. Teeuw dan D.K. Wyatt (1970), *op.cit.*, h. 69-75.

Menurut W. K. Che Man, apabila Patani bertukar menjadi negara Islam telah menyebabkan kebangkitan kesedaran baru mengenai identiti perkauman, yang membezakan antara orang Islam Patani dan orang Thai-Siam. Pertukaran Patani kepada negara Islam melahirkan ikatan ideologi di kalangan penduduk tempatan, malahan Islam menjadi kuasa penyatu penduduk Patani menghadapi pencerobohan daripada peluasan penjajah.¹¹⁶

Semenjak keislaman Patani, maka kota ini telah menjadi tumpuan para saudagar Islam dan menjadikannya sebagai pusat perdagangan Timur dan Barat yang terkenal di rantau ini. Patani bertambah maju dan lebih terkenal lagi apabila Melaka jatuh ke tangan penjajah Portugis pada tahun (1511M).¹¹⁷

2.2.3 Kejatuhan Kerajaan Melayu Islam Patani

Keagungan dan kekuatan Patani tidak kekal, akhirnya kedaulatan kesultanan Melayu Patani telah dikuasai oleh penjajah asing. Pada zaman penghujung pemerintahan Raja Kuning (1635-88M), Patani mulai menuju zaman kemerosotan. Keadaan ini berterusan dan bertambah teruk lagi apabila kesultanan Melayu Patani sering berlaku persengketaan dalaman sehingga tercetus perang saudara pada zaman pemerintahan dinasti Kelantan. Keadaan ini, menyebabkan penguasa asing lebih senang lagi untuk menakluki Patani.

¹¹⁶ W. K. Che Man (1998), "Melayu Muslim Selatan Thailand/Farid", dalam Farid Mat Zian et al. (ed.), *Minoriti Muslim di Thailand*, Selangor: Penerbit L. Minda, h. 8.

¹¹⁷ Ibrahim Syukri (t.t.), *op.cit.*, h. 35.

Dalam masa Patani sedang menghadapi pergolakan politik, Siam sedang berperang dengan Burma. Selepas Phya Taksin berjaya mengalahkan Burma di Ayuthia dalam tahun (1776 M), Siam menumpukan pula perhatiannya dan bertindak menyerang negeri-negeri di selatan semenanjung yang telah mengisytiharkan kemerdekaan semasa Siam kalah di tangan Burma dahulu.¹¹⁸ Keadaan ini menyebabkan raja-raja negeri Legor, Songgora dan Pattalung terpaksa mencari tempat perlindungan politik di Patani. Bagaimanapun Kerajaan Patani terpaksa menyerah pelarian politik tersebut kepada Siam, kerana menerima desakan yang kuat daripada pihak kerajaan gajah putih itu.¹¹⁹

Pada tahun (1776 M) Sultan Muhamad pula, telah dipaksa memberi bantuan kepada Siam untuk menentang Burma. Apabila Sultan Muhamad enggan membuat demikian. Phya Chakri Rama I, telah memberi mandat kepada adiknya sebagai raja muda, untuk memimpin dan mengarahkan beberapa orang penglima tenteranya dan Gebenor Pattalung yang berpakalan di Songgora untuk menyerang Patani buat kali kelima pada tahun (1785 M).

Bagaimanapun kerajaan Melayu Patani cuba mempertahankan diri, tetapi Siam telah berjaya menguasai Patani pada tahun berikutnya. Sultan Muhamad pula telah terkorban syahid dalam siri pertempuran menentang pencerobohan itu. Akibat kekalahan itu, seramai 4000 orang Melayu Patani telah dijadikan tawanan dan dibawa ke Bangkok sebagai hamba tebusan.¹²⁰

¹¹⁸ *Ibid.*, h. 70.

¹¹⁹ *Ibid.*

¹²⁰ Mohd Zamberi A. Malek (1993), *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*. Shah Alam: Hizbi, h. 96.

Ketika menghadapi kebangkitan pemberontakan yang dicetuskan oleh kesultanan Melayu Patani, samada pada zaman Tengku Lamidin pada tahun (1791M), Datok Pengkalan pada tahun (1808M) atau lain-lain pemberontakan, kerajaan Siam telah membuat keputusan untuk mengurangkan kuasa dan pengaruh kesultanan Melayu Patani dengan polisi pecah dan perintah (*devide and role*). Pada tahun (1816M), Patani dibahagikan kepada tujuh negeri dengan panggilan "*Bariven Ched Hua Muang*", iaitu Patani, Nongcik, Raman, Rangea, Saiburi, Yala dan Yaring.¹²¹

Ekoran daripada pelaksanaan polisi pecah dan perintah dan juga dengan kekalahan dalam setiap kali dalam pemberontakan, menyebabkan kesultanan Melayu Islam Patani semakin lemah dan terikat dengan Bangkok, ditambah pula dengan rancangan Kerajaan Siam untuk mengurangkan pegawai-pegawainya untuk memerintah Patani, berjaya mengurangkan haru-hara di rantau ini untuk beberapa tahun.

Bagaimanapun pada Zaman pemerintahan Raja Chulalongkorn (1868-1910M) persengketaan antara raja-raja Melayu dan Siam tercetus semula, apabila beliau memperkenalkan satu polisi pemerintahan pusat yang dikenali sebagai *Thesaphiban* pada tahun (1896M). Di bawah sistem ini, pentadbiran wilayah dan negeri akan disusun semula menjadi satu unit yang dikenali sebagai *Monton*. Dalam

¹²¹ A. Teeuw dan D.K. Wyatt (1970), *op.cit.*, h. 23. Lihat juga dalam Ibrahim Shukri (t.t.), *op.cit.*, h. 83.

setiap *Monton* akan ditadbirkan oleh pesuruhhanjaya tinggi atau *khaluang Thesaphiban* yang bertanggungjawab penuh kepada menteri dalam negeri.¹²²

Pada tahun (1902M) kedaulatan kesultanan Melayu Islam Patani di ketujuh-tujuh negeri tersebut telah dimansuhkan oleh kerajaan Siam. Berikutan itu, pada tahun (1906M) pentadbiran terhadap ketujuh-tujuh negeri Melayu disusun semula menjadi *Monton Patani*. Di bawah sistem ini, kerajaan Melayu Patani dipecah lagi kepada empat wilayah yang besar, iaitu Patani, Bengnara Saiburi dan Yala.¹²³ Daerah Kedah juga dimasukkan kedalam jajahan Siam dan dinamakan wilayah Setun. Kedah sebaliknya diserahkan kepada Inggeris bersama Perlis, Kelantan dan Terengganu mengikut perjanjian Siam-Inggeris yang ditandatangani pada 10 Mac 1909M.¹²⁴

Ekoran daripada perubahan politik dan pentadbiran di rantau ini, memaksa raja-raja Melayu Patani, pembesar dan orang kenanaam tempatan mengiktiraf kedaulatan Siam, apabila Inggeris mengiktiraf kedaulatannya di seluruh kawasan ini pada tahun (1909M). Akhirnya pada tahun (1933M), negeri-negeri Melayu tersebut diubah dan dijadikannya sebagai status wilayah dengan panggilan wilayah Pattani, wilayah Jala dan wilayah Narathiwat.¹²⁵ Setelah dipecahkan sedemikian rupa, bermakna Patani telah dikuasai oleh kerajaan Siam sepenuhnya, dan sekaligus kesultanan Melayu Islam Patani terhakis di peta dunia dan menjadi status sebagai beberapa wilayah bagi negara Thai sehingga sekarang ini.

¹²² Mohd Zamberi A. Malek (1993), *op.cit.*, h. 131.

¹²³ Ibrahim Shukri (t.t.), *op.cit.*, h. 104.

¹²⁴ Mohd Zamberi A. Malek (1993), *op.cit.*, h. 178.

¹²⁵ *Ibid.*, h. 167. Lihat juga, dalam Mohd Yusuf Hassan, *Dunia Melayu*, *op.cit.*, 58.

Bagaimanapun menurut Zainal Abidin Haji Sulong, bahawa kesan pemerintahan kerajaan Thai terhadap kehidupan tradisi kaum Melayu di Patani adalah amat sedikit. Lantaran itu, dari masa kemasa muncul pelbagai protes dari penduduk tempatan terhadap kerajaan Siam, demi untuk menjaga identiti kemelayuan mereka.¹²⁶ Penentangan-penentangan ini, berterusan sehingga terbentuk beberapa gerakan pemisah oleh rakyat Patani. Perjuangan kumpulan-kumpulan ini masih berterusan sehingga ke hari ini.¹²⁷

2.3 LATARBELAKANG PERIBADI

Nama dan gelaran Syeikh Ahmad sepenuhnya seperti mana terdapat melalui beberapa catatan dipermukaan kitab-kitabnya adalah berkisar di antara nama-nama berikut, iaitu al-‘Ālim al-‘Allāmah al-Zākī Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Muhammad bin Muṣṭafā al-Faṭānī,¹²⁸ atau Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani¹²⁹ dan Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Malāyūwī al-Faṭānī.¹³⁰

¹²⁶ Haji Zainal Abidin bin Haji Sulong & Den Tohmeena (1999), "Masyarakat Islam masa kini di Thailand", (Kertas Seminar Kepimpinan Islam Serantau, di Dewan Kuliah Utama Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 14-15 Jun 1999), h. 1-7.

¹²⁷ Berkaitan dengan kumpulan pemisah, yang berjuang untuk kemerdekaan bumi Patani. Lihat perbincangan lebih lanjut dalam, Surin Pitsuwan (1989), *Islam Di Muang Thai: Nasionalisme Melayu Masyarakat Patani*. M. Dawam Rahardjo (terj.). Jakarta: Penerbit LP3ES, h. 174. Schubungan dengan itu juga, boleh lihat dalam, Ahmad Omar Chapakia (2000), *Politik Thai dan Masyarakat Islam di Selatan Thai*. Kedah: Pustaka Darussalam Sdn. Bhd., h. 146.

¹²⁸ Syeikh Ahmad al-Fatani (1377), *Unwah al-Falāḥ wa Unwān al-Ṣalāḥ*, c. 2, Patani: Percetakan Patani Press.

¹²⁹ Syeikh Ahmad al-Fatani (1332), *Ṭayyib al-Iḥsān fī Ṭibh al-Insān*, c. 2, Mekah: Matba‘ah Miriyyah.

¹³⁰ Syeikh Ahmad al-Fatani (1890), *Ḥadiqah al-Azhār wa al-Riyāṭ*. Mekah: Matba‘ah Miriyyah.

Bagaimanapun beliau turut dikenali juga, dengan nama Tok Guru Wan Ngoh dan Tok Guru Wan Ahmad. Kadang-kadang dipanggil juga Syeikh Ahmad dengan nama Tuan Faridah sahaja, nama ini sesuai dengan nama sebuah kitab karangannya yang amat terkenal di rantau ini, khususnya di kalangan para pelajar pondok.¹³¹

Ayah Syeikh Ahmad bernama Syeikh Wan Muhammad Zainal Abidin. Namanya ditukar kepada Wan Muhammad Zain al-Fatani. Nama singkatnya Wan Din sahaja. Beliau dilahirkan pada tahun (1233H/1817M) di kampung Sena Janjar, wilayah Patani. Datuknya pula bernama Haji Wan Mustafa bin Muhammad bin Muhammad Zain bin Musa al-Fatani. Beliau dikenali dengan panggilan Pak Anjang Wan Pa sahaja. Datuknya ini merupakan orang yang pertama membawa benih getah ke Patani, dan beliau juga pernah menjawat sebagai penglima perang kerajaan Melayu Patani.¹³²

Sementara nama ibunya, ialah Wan Cik binti Wan Muhammad Soleh bin Wan Abdul Latif. Manakala Wan Abdul Latif ini, dikenali dengan nama Wan Tih sahaja, dan beliau juga pernah dilantik menjadi menteri pertahanan kerajaan Patani. Ayah Wan Abdul Latif ialah Datuk Pujud Wan Chang bergelar Raja Lukman.¹³³

¹³¹ W.M. Shahgier Abdullah (1990), *Fatawa Tentang Binatang Hidup dua Alam*. Shah Alam: Penerbit Hizbi, h. 33.

¹³² *Ibid.*

¹³³ *Ibid.*

2.4 KELAHIRAN

Berhubung dengan hari bulan dan tahun kelahiran Syeikh Ahmad, Beliau sendiri telah mencatatkan perkra tersebut di dalam bukunya *Ḥadiqah al-Azhār wa al-Riyāhīn*. Mengikut catatan di dalam buku tersebut, beliau dilahirkan pada malam Jumaat 5 Sya'ban 1272H bersamaan 10 April 1856M di Kampung Sena Janjar, Daerah Jambu, Wilayah Patani.¹³⁴ Antara petikan di dalam kitabnya tersebut menyatakan.

“Diperanakan Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani pada malam jumaat, waktu jandera budak. Lima hari bulan Sya'ban daripada tahun (1272H). Tahun ular besar pada bulan lima daripadanya dengan istilah Siam. Pada hari yang keenam pada istilah Melayu. Dan tempat beranakanya pada kampung Jambu negeri Jerim daripada Patani. Dan mansya'nya pada kampung Jambu itu dan pada kampung Sena Janjar”.¹³⁵

2.5 PENDIDIKAN

Syeikh Ahmad mempunyai banyak persamaan dengan ulama-ulama yang lain. Beliau juga dilahir serta dibesarkan di dalam keluarga yang mencintai dan menghayati budaya ilmu. Beliau boleh dikatakan semenjak kecil lagi terdedah kepada suasana ilmu pengetahuan yang berterusan di dalam keluarganya.

¹³⁴ *Ibid.*, h. 33.

¹³⁵ Syeikh Ahmad al-Fatani (1998), *Ḥadiqat al-Azhār wa al-Riyāhīn*. W. M. Shaghir Abdulilah (ed.). Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 130. Lihat juga, dalam Syeikh Ahmad al-Fatani (1321), *Ḥadiqat al-Azhār*, c. 2. Makkah: Matba'ah al-Miriyyah al-Kainah, h. 177.

W. M. Saghir Abdullah berkata, datuknya (Syeikh Ahmad), bergaul menurut teradisi agama Islam yang berkembang di kampung itu (Sena Janjar) sejak masih kecil lagi. Ketika berumur kira-kira dua tahun, beliau telah dilatih menghafal pelbagai matan.¹³⁶ Demikianlah pendidikan yang diterima oleh Syeikh Admad pada peringkat awal perkembangannya.

Ketika berumur empat tahun, beliau telah mengikuti ayah serta ibunya berpindah ke Mekah. Semasa berada di Mekah, beliau tidak menampakan dirinya sebagai seorang anak yang rajin belajar. Meskipun begitu, sekiranya ada soalan yang dikemukakan oleh kedua ibu bapanya berhubung dengan pelajarannya, beliau mampu menjawab. Beliau belajar dan menghafal secara bersembunyi, hafalannya adalah luar biasa. Beliau menghafal pelbagai matan melebihi kawan-kawanya yang lain. Ketika berumur dua belas tahun, beliau telah sanggup mengajar ilmu tata bahasa Arab (nahu dan saraf) kepada orang-orang yang lebih berumur daripadanya.¹³⁷

Syeikh Ahmad kemudiannya telah menyambungkan pelajarannya ke Baitul Muqaddis. Beliau sempat belajar ilmu kedokteran dan perubatan semasa beliau belajar di bumi Palestin itu. Kebolehan beliau dalam bidang ini terbukti apabila beliau dapat menghasilkan kitab tentang perubatan. Seperti, Luqṭah al-‘Ajlān dan *Ṭayyib al-Iḥsān fī Ṭibb al-Iḥsān*. Di samping itu, beliau juga mempelajari ilmu keagamaan dengan tokoh-tokoh ulama di sana. Setelah berada selama dua tahun, beliau kembali ke Mekah. Seterusnya, beliau telah dipaksa oleh kedua orang ibu bapanya supaya memperdalamkan lagi ilmu-ilmu keagamaan. Mulai dari saat itu,

¹³⁶ W. M. Shaghir Abdullah (1992), *al-‘Allāmah Syeikh Ahmad al-Faṭānī Ahli Fikir dan Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyah, h. 13.

¹³⁷ *Ibid.*, h. 16.

beliau telah meneruskan pembelajarannya di Universiti *al-Azhar* di Mesir. Setelah tamat pengajiannya, beliau kembali ke Mekah dan berkhidmat mengajar di kota suci itu.¹³⁸

2.5. GURU-GURUNYA

Ketika Syeikh Ahmad meneruskan pengajian di Kota Mekah dan Madinah, beliau sempat berguru dengan beberapa orang tokoh ulama yang terkenal di sana. Di antara guru-gurunya yang berasal dari keturunan Arab, ialah Syeikh Muhammad Ibn Sulayman Hasbullah, Sayyid al-Husayni al-Habsyi, Syeikh Muhammad Haqqi, Sayyid Muhammad Amin al-Ridhwan, Syeikh Mustafa al- 'Afifi, Sayyid Umar al-Syami al-Baqa'i, Sayyid Muhammad Ali Ibn Sayyid al-Zahir al-Watri, Syeikh Abd al-Qadir al-Syibli al-Tharablusi dan Syeikh Abdul Rahim al-Kabuli.¹³⁹

Di samping beliau berguru dengan ulama-ulama keturunan Arab, beliau juga turut berguru dengan tokoh-tokoh ulama Melayu yang sedang mengajar di masjid Mekah pada waktu itu. Antaranya ialah, Syeikh Muhammad bin Ismail (Syeikh Nikmat Kecil al-Fatani), Syeikh Abdul Kadir bin Abdul Rahman al-Fatani, Syeikh Muhammad Sa 'id bin 'Isa al-Kelantani, Syeikh Abdul Muttalib Kuta al-Kelantani dan Syeikh Wan Ali bin Abdul Rahman Kutan al-Kelantani.¹⁴⁰

¹³⁸ Hasan Madmarn (1999), *The Pondok & Madrasah in Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 23. Lihat juga, dalam W. M. Shaghir Abdullah (1992), *op.cit.*, h. 19.

¹³⁹ Syeikh ini adalah seorang pakar dalam ilmu perubatan, beliau berasal daripada keturunan India. Lihat dalam, Nik Abd Aziz bin Haji Nik Hasan (1977), *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*. Kelantan: Pakatan Keluarga Tuan Tabal, h. 99.

¹⁴⁰ W. M. Shaghir Abdullah (1992), *op.cit.*, h. 27-43.

2.7 MURID-MURIDNYA

Syeikh Ahmad merupakan sorang ulama yang kreatif dan sangat bergiat memperjuangkan kemurnian Islam. Beliau adalah ulama besar di dunia Melayu, guru kepada kebanyakan ulama yang bertaburan di Nusantara. Beliau bukan setakat menjadi maha guru kepada umat Melayu Patani sahaja, bahkan turut menjadi guru kepada umat Islam di Malaysia, Indonesia dan juga kepada umat Islam di Kemboja.¹⁴¹

Sehubungan dengan itu, W. M. Saghir Abdullah telah mencatat murid-murid Syeikh Ahmad seramai dua puluh tiga orang yang berasal dari Patani dan menjadi ulama besar.¹⁴² Antaranya ialah, Syeikh Abdullah bin Kasim Senggora, Syeikh Muhammad bin Idris (Tok Bermin), Syeikh Muhammad bin Hussin (Tok Kelaba), Syeikh Abdul Samad bin Muhammad Saman al-Nufa, Haji Sulong bin Abdul Kadir, Haji Wan Harun, Wan Ismail Samla, Syeikh Wan Daud bin Mustafa, Syeikh Ismail bin Abdul Kadir, Syeikh Daud bin Ismail, Tengku Mahmud Zuhdi bin Abdul Kadir, Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Nikmat Kekik, Haji Abdullah Bendang Gucir dan lain-lain.¹⁴³

Di samping murid-muridnya yang bertaburan di bumi Patani, W. M. Saghir Abdullah telah mencatatkan seramai dua puluh lima orang, nama murid-murid datuknya yang berasal dari Kelantan dan telah menjadi ulama besar.¹⁴⁴ Antanya, ialah Datok Haji Abdullah bin Musa, bekas mufti kerajaan Johor (m.1907), Haji

¹⁴¹ Hasan Madmarn (1999), *op.cit.*, h. 22.

¹⁴² W. M. Shaghir Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 42.

¹⁴³ Ismail Che Daud (1979), "Tok Guru Wan Ahmad al-Fatani -Ulama Pengarang Alam Melayu", *Pengasuh*, Julai 1979, h. 37.

¹⁴⁴ W. M. Shaghir Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 44-50.

Wan Ahmad bin Haji Awang Muhammad Zin Kota Bharu (m.1916), Haji Wan Ishak bin Haji Iman Abdullah, bekas musti Kelantan (m.1915), Datok Haji Nik Mat bin Datok Nik Yusof Kota Bharu (m.1920), Haji Umar bin Ismail Sungai Keladi (m.1946), Haji Ismail bin Haji Senik (Tok Kemuning) (m.1934), Haji Abdul Rahman Shair bin Usman (Tok Selehor) (m.1935), Haji Wan Ahmad bin Hji Abdul Halim (Tok Jelapang) (m.1935), Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad, bekas mufti Kelantan (m.1939), Haji Awang Muhammad Yusof bin Ahmad (Tok Kenali) (m.1933), Tok Raja Haji Ibrahim bin Haji Muhammad Yusof, bekas mufti Kelantan (m.1955), Datok Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail, bekas kadi Kelantan (m.1964), Sultan Mansor (Sultan Kelantan), dan lain-lain.¹⁴⁵

. Murid-murid Syeikh Ahmad di Malaysia umumnya, selain dari Kelantan yang terkenal ialah, Tuan Guru Haji Yaakob Kedah, Tuan Guru Haji Husin Kedah, Syeikh Wan Sulaiman bin Sodiq bekas mufti Kedah, Sultan Zainal Abidin (Sultan Terengganu), Tuan Haji Hassan bin Haji Muhammad Amin Besut Terengganu, Tengku Long bin Tengku Ngah Besut Terengganu, Haji Muhammad Kasim bin Wan Abdul Rahman Naning Melaka, Syeikh Abdul Malik bin Ibrahim Bekas kadi Kedah.¹⁴⁶

¹⁴⁵ Kebanyakan ulama yang terkenal di Kota Bharu pada awal dan akhir abad ke-19, adalah hasil daripada didikan bersepadu yang diberikan oleh Syeikh Ahmad al-Fatani, yang mencakupi bidang agama dan politik. Lihat dalam, Nik Abd Aziz bin Haji Nik Hasan (1977), *op.cit.*, h. 99.

¹⁴⁶ W. M. Shaghir Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 44-50.

W. M. Shaghir Abdullah juga, turut mencatatkan nama-nama murid Syeikh Ahmad yang berasal dari Indonia seramai dua puluh lima orang dan dari Kemboja seramai sepuluh orang. Kesemuanya menjadi ulama yang terkemuka dan terkenal dalam negeri masing-masing untuk menyebarkan agama Islam.¹⁴⁷

2.8 TOKOH-TOKOH ULAMA SEZAMANNYA

Di antara ulama-ulama sezaman Syeikh Ahmad dari Asia Tenggara, samada mereka memainkan peranan di Mekah atau tempat asalnya ialah, Syeikh Muhammad Nawawi bin Umar Bentan (m.1314H), Syeikh Abdul Salam bin Idris dari Aceh, Syeikh Jamaluddin bin Idris negeri Sembilan (m.1305H), Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga, Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Ghaffar Sambas, Syeikh Uthman bin Syihabuddin Pontianak, Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Latif Minangkabau (m.1916M), Syeikh Abdul Rahman bin Muhammad Ali Patani (m.1915M), Syeikh Abdul Muttalib bin Tuan Abdullah Faqih Kelantan, Syeikh Uthman bin Abdul Wahab Serawak, Syeikh Abdul Kadir bin Abdul Rahman Patani (m.1898M) dan lain-lain.¹⁴⁸

¹⁴⁷ *Ibid.*, h. 51.

¹⁴⁸ Ismail Che Daud (1992), *Tokoh-tokoh ulama Semenanjung Melayu (1)*. Kota Bharu: Majlis agama Islam dan adat istiadat Melayu Kelantan, h.94.

2.9 KEWAFATAN DAN KETURUNANNYA

Setiap yang bernyawa pasti akan mati, begitu juga dengan ulama Patani yang terkemuka dan yang berjasa ini. Suratan takdir telah menetapkan saat kematiannya pada malam Rabu 11 Zulhijjah tahun 1325 H bersamaan dengan 14 Januari tahun 1908 M.¹⁴⁹

Berdasarkan kepada surat Syeikh Wan Daud bin Mustafa al-Fatani dan Wan Ismail bin Syeikh Ahmad al-Fatani yang dikirimkan kepada Tengku Long bin Ngah Besut Terengganu, yang bertarikh 22 Zulhijjah 1325H, menyebutkan sebab-sebab kematiannya Syeikh Ahmad, di mana petikan menyatakan,

“Dengan sebab sakit mati sebelah badan awal kenanya, pada 22 haribulan Jamadil Akhir. Maka dapat sempuh sedikit, kemudian bertambah pula pada lepas puasa enam. Maka ada hingga sedikit pula, boleh naik haji. Maka tatkala lepas Zuhur hari Raya Haji, maka kena pula hingga sampai lepas Maghrib, maka lalu habis umurnya”.¹⁵⁰

Itulah di antara sebab kematiannya, beliau mengakhiri nafas di Mina ketika mengerjakan haji sunatnya. Jinazah Allah Yarham dikembumikan di perkuburan Ma'la, Mekah. Semoga Allah s.w.t. Mencucuri rahmatNya keatas roh Al-marhum dan menepatkannya bersama para awliya' dan salihin. Amin.

¹⁴⁹ Ismail Che Daud (1992), *op.cit.*, h. 116. Lihat juga, dalam *Tok Guru Wan Ahmad al-Fatani Ulama Pengarang Alam Melayu, op.cit.*, h. 38.

¹⁵⁰ W. M. Shaghir Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 60.

Berhubung dengan keturunan tokoh Patani ini, W.M. Shaghir Abdullah menyatakan bahawa datuknya ini telah berkahwin sebanyak dua kali. Kali pertama beliau berkahwin dengan Wan Kalthom binti Haji Wan Ismail, beliau memperolehi dua orang anak, iaitu Haji Wan Ismai bekas kadi Patani. Meninggal di Jambu pada tahun (1957M) dan Hajjah Wan Fatimah. Meninggal di Bangkok.

Kemudian beliau berkahwin untuk kali yang kedua dengan Wan Siti Sauda (anak saudara Syeikh Nik Mat Kecil) dan memperolehi empat orang anak, iaitu Hajjah Wan Zainab, meninggal di Pulau Medan Riau pada tahun (1401H), Wan Nafisah, Wan Muhammad Soleh dan Wan Muhammad Nor.¹⁵¹

¹⁵¹ *Ibid.*, h. 53.